



# IDEALOGY

## JOURNAL

**Editor-in-Chief**

Ishak Ramli

Assoc. Prof. Dr Muhammad Abdul Aziz Ab Gani

**Managing Editor**

Nurul Shima TahaRudin

Muhammad Redza Rosman

Haslinda Md Nazri

Mohamad Hafiz Yahaya

Nizar Nazrin

**Editor**

Professor Dr Shahriman Zainal Abidin

Dr Sheikh Mehedi Hasan

Professor Dr Anis Sujana

Professor Dr Tjeptjep Rohendi Rohidi

Assoc. Prof. Dr Sophiya Umar

Asst. Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaee

# IDEALOGY JOURNAL

Volume 7, Issue 2, 2022

Published: 1 September 2022

Published by:  
©UiTM Press

e-ISSN 2550-214X



**MUHAMAD ABDUL AZIZ AB GANI, ISHAK RAMLI  
MOHAMMAD HAFIZ YAHAYA, NURUL SHIMA TAHARUDDIN  
HASLINDA MD NAZRI, MUHAMMAD REDZA ROSMAN  
NIZAR NAZRIN**

## TABLE OF CONTENTS

### EDITORIAL

Ideology Journal Information	III
Editorial and Review Board	IV
Kelangsungan Perbincangan Berkaitan Kesenian dan Reka Bentuk: Mukadimah <i>Continuation of Discussions Related to Arts and Design: Preface</i>	V-VI
Muhamad Abdul Aziz Ab Gani; Ishak Ramli	
Arts and Design Discourse in Ideology Journal: Foreword	VII
Muhamad Abdul Aziz Ab Gani, Ishak Ramli, Mohammad Hafiz Yahaya, Nurul Shima Taharuddin, Haslinda Md Nazri, Muhammad Redza Rosman, Nizar Nazrin	

### ORIGINAL ARTICLE

The Psychology of Grey in Painting Backgrounds	1-7
Aimi Atikah Roslan, Nurul Shima Taharuddin, Nizar Nazrin	
Emotional Design for Children's Food Packaging	8-24
Wang Haiying, Muhamad Abdul Aziz Ab. Gani	
Virtual Art Gallery Tour: Understanding the Curatorial Approach	25-34
Nur Muhammad Amin Hashim Amir, Hilal Mazlan, Aznan Omar	
Hingar-Bingar Pasar Pengalaman (2004): Satu Kritikan Dalam Memahami Diri T. Alias Taib	35-49
<i>Hingar-Bingar Pasar Pengalaman (2004): A Critique in Understanding T. Alias Taib Himself</i>	
Nur Nafishah Azmi, Ibrahim Jamaluddin	
A Study on Children Customary Clothes in Malay Head Shaving - Cukur Jambul Ceremony for The Malay Royal Tradition	50-58
Nor Idayu Ibrahim, Muhammad Salehuddin Zakaria, Nasarie Zainuddin, Muhammad Hisyam Zakaria	
Modifikasi Interaksi Fisik dalam Pameran Virtual <i>Modifying Physical Interaction in Virtual Exhibition</i>	59-67
Rani Aryani Widjono, Shania Geraldine	
Digital Illustration as Visual Communication to Promote Kelantan Cultural Heritage	68-75
Roziani Mat Nashir@Mohd Nasir, Ghazali Daimin	
Preliminary Study of Supermarket's Mobile Application Needs for Indonesian Shopper	76-84
Shania Jiehan Geraldine, Dianing Ratri	
Membangunkan Fitur Reka Bentuk dan Susun Atur Poster Kesedaran Dengan Gabungan Emoji <i>Developing the Design Features and Layout with Combination of Emoji on Awareness Poster</i>	85-97
Noorlida Daud, Ahmad Zamzuri Mohd Ali	
Kronologi Representasi Wanita Dalam Catan Di Malaysia: Dari 1930 Hingga 2020 <i>Chronology of Women Representation in Malaysian Painting: from 1930 to 2020</i>	98-105
Nurul Syifa @ Siti Aishah Ahmarofi, Elis Syuhaila Mokhtar, Issarezal Ismail, Ida Puteri Mahsan	
<b>REVIEW ARTICLE</b>	
Cosmology in Contemporary Public Sculpture	106-118
Mahizan Hijaz Mohammad, Aznan Omar, Mohamad Khairi Baharom, Nur Muhammad Amin Hashim Amir, Hilal Mazlan	
Fahaman Salafi Jihad Dan Ancamannya Dalam Masyarakat Malaysia Semasa: Satu Pengenalan <i>Salafi Understanding of Jihad and Its Threat in Current Malaysian Society: An Introduction</i>	119-130
Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Siti Maimunah Kahal	
Gambus Johor Sustainability: Issues and Challenges	131-138
Siti Nur Shahirah Hussin, Tazul Izan Tajuddin	
Promoting The Forgotten Local tales of Terengganu "Tujuh Puteri" in digital Interactive Comic Book for Teenager	139-145
Wan Nurfathiyyah Binti Wan Abdul Hamid, Ahmad Sofiyuddin Mohd Shuib	

**ARTWORK APPRECIATION ARTICLE**

**Tujuan dan Fungsi dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu 146-153**

***Purpose and Function in The Context of Folk Literature and Malay Joke Stories***

*Hazrul Mazran Rusli, Muhammad Abdullah*

## IDEALOGY JOURNAL INFORMATION

### INTRODUCTION

Ideology Journal is a biannual journal, published by UiTM Press, Universiti Teknologi MARA, MALAYSIA. IDEALOGY is a combination of the words IDEA and LOGY whereby the word IDEA refers to any activity or action that can lead to change. On the other hand, the word LOGY refers to the understanding towards a certain group or thought, that is often related to the creation of the idea itself. So, IDEALOGY is a platform for those who have ideas to share in journal form. The IDEALOGY Journal is spearheaded by the Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA (Perak), however the scope and theme applied were broadened to cover Arts & Social Science. This journal is purely academic and peer reviewed (double-blind review) platform. It caters to original articles, review paper, artwork review and appreciation, exhibition review and appreciation, and book reviews on diverse topics relating to arts, design, and social science. This journal is intended to provide an avenue for researchers and academics from all persuasions and traditions to share and discuss differing views, new ideas, theories, research outcomes, and socio-cultural and socio-political issues that impact on the philosophical growth in the contemporary events.

### VISION

To elevate the standard of Academic writing, especially for ASEAN countries to be recognized in the eyes of the world

### MISSION

To produce academia with world recognized writing quality  
To combine with selected ASEAN countries in producing academic articles

### PUBLICATION HISTORY

Published various field of arts and social sciences' studies since 2016 onwards.

### PUBLICATION FREQUENCY

Biannual Frequency: Two (2) issues per year (April and September)

### e-ISSN

2550-214X

### COPYRIGHT NOTICE

UiTM Press (The Publisher) has agreed to publish the undersigned author's paper in Ideology Journal. the agreement is contingent upon the fulfilment of a number of requirements listed below.

1. The undersigned author warrants that the paper entitled below is original, that it is not in any way libellous or unlawful in malaysian, that it does not infringe any copyright or other proprietary right. The undersigned hereby represents and warrants that he/she is the author of the paper, except for material that is clearly identified as to its original source, with permission notices from the copyright owners where required. The undersigned represents that he/she has the power and authority to sign and execute this agreement.
2. The undersigned author warrants that the paper entitled below has not been published elsewhere, and also it will not be submitted anywhere else for publication prior to acceptance/rejection by this journal.
3. By submitting the paper entitled below, the undersigned author agrees to transfer the rights to publish and distribute the paper in an international e-journal (entitled above) to publisher.
4. The undersigned author agrees to make a reasonable effort to conform to publisher's submission guidelines and to liaise with the editor to ensure that the requirements of these guidelines are met to a reasonable degree.
5. The corresponding author signs for and accepts responsibility for releasing this material on behalf of any and all coauthors. This agreement is to be signed by at least one of the authors who has obtained the assent of the co-author(s) where applicable. After submission of this agreement signed by the corresponding author, changes of authorship or in the order of the authors listed will not be accepted.

### COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS

This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution – Non Commercial – No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way. This journal also followed to the principles of The Committee On Publication Ethics (COPE) [www.publicationethics.org](http://www.publicationethics.org)

### REPRINTS AND PERMISSIONS

All research articles published in Ideology Journal are made available and publicly accessible via the internet without any restrictions or payment to be made by the user. Pdf versions of all research articles are available freely for download by any reader who intent to download it.

### DISCLAIMER

The authors, editors, and publisher will not accept any legal responsibility for any errors or omissions that may have been made in this publication. The publisher makes no warranty, express or implied, with respect to the material contained herein.

## EDITORIAL AND REVIEWER TEAM

### JOURNAL ADVISOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid *AMP PMP*  
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### CHIEF EDITOR

Ishak Ramli  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)  
Associate Professor Dr Muhamad Abdul Aziz Ab Gani  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### MANAGING EDITOR

**Article Refereeing Process & Authenticity**  
Nurul Shima Taharudin  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

**Digital Object Identifier (DOI), OJS & Archiving**  
Nizar Nazrin  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

**Format & Copyediting**  
Muhammad Redza Rosman  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

**Visibility & Promotion**  
Mohamad Hafiz Yahaya  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

**Record for Acquisition, Refereeing Process, & Notification**  
Haslinda Md Nazri  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### EDITOR

**Malaysia**  
Professor Dr Shahriman Zainal Abidin  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Indonesia**  
Professor Dr Tjeptjep Rohendi Rohidi  
(Universitas Dian Nuswantoro, Semarang, Indonesia)

**Bangladesh**  
Dr Sheikh Mehedi Hasan  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

**Pakistan**  
Associate Professor Dr Sophiya Umar  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

**Indonesia**  
Professor Dr Anis Sujana  
(Institut Seni Budaya, Indonesia)

**Saudi Arabia**  
Assistant Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea  
(Effat University, Saudi Arabia)

### PANEL OF REVIEWERS

#### MALAYSIA

Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Associate Professor Dr Rusmadiah Anwar  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Associate Professor Dr Azhar Jamil  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Mohd Khairi Bahrom  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Nagib Padil  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Hanafi Hj Mohd Tahir  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Shahrel Nizar Baharom  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Azian Tahir  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Aznan Omar  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Hamidi Abdul Hadi  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Zainuddin Md Nor  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Verly Veto Vermol  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Zahirah Haron  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Saiful Akram Che Cob  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Ishak Ramli  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Nurul Shima Taharuddin  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

#### INDONESIA

Professor Dr Anis Sujana  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Dr Andang Iskandar  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Dr Husein Hendriyana  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Dr Supriatna  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Dr Pandu Purwandaru  
(Universitas 11 Maret, Indonesia)  
Dr M. Zaini Alif  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Drs Deden Maulana, M.Ds  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Toufiq Panji Wisesa, S.Ds., M.Sn  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Drs Syaiful Halim., M.I.Kom  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Ratno Suprapto., M.Ds  
(Universitas Pembangunan Jaya Indonesia)

#### SAUDI ARABIA

Asst. Professor Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea  
(Effat University, Saudi Arabia)

Asst. Professor Dr. Mueen Uddin  
(Effat University, Saudi Arabia)

Asst. Professor Dr. Shahid Khalifa  
(Effat University, Saudi Arabia)

#### BANGLADESH

Mr Al-Monjur Elahi  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

Dr Sidhartha Dey  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

Dr Sheikh Mehedi  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

#### PAKISTAN

Associate Professor Dr Sophiya Umar  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

Masood Akhtar  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

Shah Zaib Raza  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

#### PHILIPPINES

Jeconiah Louis Dreisbach  
(De La Salle University, Philippines)

# **Tujuan dan Fungsi dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu**

## **Purpose and Function in The Context of Folk Literature and Malay Joke Stories**

Hazrul Mazran Rusli<sup>1</sup>, \*Muhammad Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, 32610, Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

Institutional e-mail: hazru270@uitm.edu.my<sup>1</sup>, \*muham725@uitm.edu.my<sup>2</sup>

\*Corresponding author

*Received: 3 August 2022, Accepted: 20 August 2022, Published: 1 September 2022*

### **ABSTRAK**

*Sastera rakyat pada mulanya wujud dikalangan rakyat. Secara umumnya merujuk kepada kepada kesusasteraan rakyat daripada masa dahulu, yang telah menjadi warisan kepada sesuatu masyarakat. Sastera rakyat adalah sebahagian daripada kehidupan budaya bagi masyarakat lama. Misalnya dalam masyarakat Melayu lama cerita rakyat merupakan satu bentuk hiburan yang penting untuk orang kampung. Cerita jenaka rakyat pula merupakan satu bentuk cerita yang popular dalam kalangan rakyat, yang menjadi hiburan penting di dalam masyarakat berkenaan. Dalam masyarakat Melayu, juga terdapat pelbagai jenis cerita rakyat yang lain seperti cerita binatang, cerita jenaka, cerita penglipur lara dan cerita pengalaman. Cerita jenaka rakyat juga sebagai ekspresi budaya suatu masyarakat melalui pertuturan yang berhubung langsung dengan berbagai-bagai aspek budaya, seperti agama dan kepercayaan, undang-undang, kegiatan ekonomi, sistem kekeluargaan, dan susunan nilai sosial masyarakat tersebut. Kajian ini memfokuskan kepada tinjauan pada dua aspek utama iaitu tujuan dan fungsi seperti definisi, makna dan ciri-ciri umum. Tinjauan ini memberikan pemahaman dan strukturnya, selain dokumentasi bertulis yang penting terhadap sejarah dan kesusasteraan melayu khususnya di Malaysia.*

**Kata Kunci:** Kesusasteraan rakyat, Cerita jenaka melayu

### **ABSTRACT**

*Folk literature initially existed among the people. In general, it refers to folk literature from the past, which has become the heritage of a society. Folk literature is part of the cultural life of ancient societies. For example, in the old Malay society, folklore is an important form of entertainment for the villagers. People's jokes are a form of stories that are popular among the people, which become an important entertainment in the society. In the Malay community, there are also various other types of folk stories such as animal stories, funny stories, comforting stories and stories of experiences. Malay joke stories are also an expression of a society's culture through speech that is directly related to various aspects of culture, such as religion and belief, law, economic activities, family systems, and the order of social values of the society. This research is attentions on two main aspects which are purpose and function such as definition, meaning and general characteristics. This research provides an understanding and structure, in addition to important documentation of Malay history and literature, especially in Malaysia.*

**Keywords:** Folk Literature, Malay Joke Stories



## 1. PENGENALAN

Kamus Dewan edisi ketiga (2002) mendefinisikan terma interpretasi sebagai tafsiran dan penjelasan yang berkaitan dengan makna, tujuan dan implikasi dan sebagainya berkenaan sesuatu. Perkataan adaptasi pula didefinisikan sebagai suatu penyesuaian dengan keadaan yang baru atau berbeza.

Definisi bagi perkataan sastera di takrifkan sebagai bahasa yang digunakan di dalam kitab-kitab (bukan bahasa basahan). Perkataan susastera pula membawa pengertian terhadap seni sastera atau sebarang unsur kesenian yang tercipta dengan penggunaan sesuatu bahasa, tulisan atau lisan oleh mereka yang mahir sastera atau mempunyai pengetahuan yang baik berkenaan dengan seni persuratan. Ismail Yusoff (2008) pula menggariskan bahawa hasil-hasil sastera sebagai ungkapan bahasa indah yang diucapkan atau karya-karya bertulis yang mempunyai seni yang murni, indah, halus, merdu, suci dan cantik dari segenap segi iaitu bahasa, isi, penyampaian dan sebagainya. Beliau juga menegaskan bahawa sastera juga harus dianggap bernilai kepada masyarakat yang memiliki. Berkenaan perkataan kesusasteraan pula terdapat beberapa pendefinisan yang sedikit berbeza nadanya, namun mempunyai persamaan dari segi maksud. Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka mentakrifkan kesusasteraan sebagai hasil seni yang diwujudkan dalam bentuk karangan bebas atau dalam bentuk puisi. Dalam penulisan oleh Ismail Yusoff (2008), beliau menggariskan bahawa kesusasteraan dapat ditafsirkan sebagai himpunan beberapa atau lebih dari satu hasilan atau ciptaan susastera. Bagi menyokong kenyataan beliau, Ismail Yusoff (2008) memetik pendapat seorang sasterawan Inggeris, J.L Robertson yang menegaskan “kesusteraan ialah ucapan yang berseni dalam kata-kata dari apa yang difikir, dirasai, diingati atau yang dikhayali”. Berdasarkan kenyataan oleh Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka serta kedua-dua orang sarjana yang dinyatakan diatas, dapat disimpulkan bahawa sebarang bentuk buah fikiran yang dipersembahkan dalam bentuk bertulis dengan gaya bahasa yang indah adalah merupakan sebuah hasilan sastera atau karya sastera.

Sastera Rakyat pula adalah merupakan satu bentuk hasilan sastera tertua yang pada asalnya disampaikan secara lisan dan berkisar dalam kelompok masyarakat tertentu. Sastera rakyat lahir atas tujuan hiburan dan pengajaran. Ia juga turut mempunyai unsur tokok tambah dan pengaruh tempatan. Tafsiran ini selari dengan Francis Lee Utley dalam penulisan beliau yang berjudul “Folklore: Some Operational Definition” pada tahun 1965 yang menegaskan bahawa sastera rakyat ialah sastera yang dipindahkan secara lisan dikalangan masyarakat primitif yang terpencil atau dalam kebudayaan pinggiran yang bertamadun, atau dikalangan masyarakat bandar atau desa, atau dikalangan kelompok dominan atau kecil. Mohd Taib Osman (2007) yang mengupas lebih lanjut di dalam konteks masyarakat Melayu mengatakan bahawa sastera rakyat adalah satu bentuk genre kesusasteraan Melayu lama yang tertua di dalam masyarakat melayu berbentuk lisan (oral tradition) yang wujud sebelum kesusasteraan bertulis (Literary tradition) dan dinikmati oleh golongan luar istana.

## 2. KESUSATERAAN RAKYAT CERITA JENAKA MELAYU

Sastera Rakyat adalah merupakan satu bentuk hasilan sastera tertua yang pada asalnya disampaikan secara lisan dan berkisar dalam kelompok masyarakat tertentu. Sastera rakyat lahir atas tujuan hiburan dan pengajaran. Ia juga turut mempunyai unsur tokok tambah dan pengaruh tempatan. Tafsiran ini selari dengan Francis Lee Utley dalam penulisan beliau yang berjudul “Folklore: Some Operational Definition” pada tahun 1965 yang menegaskan bahawa sastera rakyat ialah sastera yang dipindahkan secara lisan dikalangan masyarakat primitif yang terpencil atau dalam kebudayaan pinggiran yang

bertamadun, atau dikalangan masyarakat bandar atau desa, atau dikalangan kelompok dominan atau kecil. Mohd Taib Osman (2007) yang mengupas lebih lanjut di dalam konteks masyarakat Melayu mengatakan bahawa sastera rakyat adalah satu bentuk genre kesusasteraan Melayu lama yang tertua di dalam masyarakat melayu berbentuk lisan (oral tradition) yang wujud sebelum kesusasteraan bertulis (Literary tradition) dan dinikmati oleh golongan luar istana.

Secara umumnya kesusasteraan rakyat adalah salah satu bentuk dalam hasilan sastera Melayu klasik. Bagi meneruskan perbincangan mengenai hasilan sastera rakyat ini, penyelidik bersandarkan kepada penyelidikan oleh beberapa orang sarjana. Shamsul Amri Baharuddin (2009) dalam kajiannya menggariskan bahawa sastera klasik Melayu terbahagi kepada dua kategori iaitu prosa dan puisi. Beliau turut menegaskan bahawa kedua-dua bentuk hasil sastera ini dihasilkan dengan penggunaan bahasa yang indah dan halus. Sastera klasik Melayu pada mulanya disampaikan secara lisan dan kemudian dirakam dalam bentuk tulisan yang akhirnya tersebar keseluruh alam Melayu.

Harun Mat Piah et al. (2000) pula memberikan mentafsirkan sastera rakyat sebagai satu bentuk hasilan sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Harun Mat Piah et al. (2000) juga menegaskan bahawa sastera rakyat turut dikenali sebagai sastera lisan dan sifat lisan itulah yang menentukan identitinya sebagai sastera rakyat. Menurut Mohd. Taib Osman (1972) sastera rakyat mempunyai pengertian yang lebih sempit berbanding dengan tradisi lisan. Beliau menegaskan sastera rakyat sering dilihat sebagai sesuatu yang sudah mati atau setidak-tidaknya merupakan warisan atau tinggalan zaman lampau. Penggunaannya juga terbatas pada cerita-cerita lisan dan cerita-cerita tradisional yang biasanya dituturkan pada kanak-kanak sewaktu hendak tidur. Walaubagaimanapun, takrifan yang lebih sihat diberikan oleh Safian et al. (1988). Menurut beliau, tradisi lisan membawa pengertian yang lebih luas. Ia meliputi bahan naratif dan bukan naratif, dan apa juga ekspresi lisan sesuatu budaya termasuklah cerita-cerita lipur lara, cerita jenaka, mitos, lagenda, peribahasa, pantun, ungkapan adat dan sebagainya. Safian et al. (2008) turut menegaskan sastera rakyat adalah sebahagian daripada tradisi lisan yang dapat difahami sebagai ekspresi budaya yang menggunakan bahasa dan mempunyai hubungan langsung dengan berbagai aspek budaya seperti agama dan kepercayaan, undang-undang, keperluan masa lapang, kegiatan ekonomi, sistem kekeluargaan dan susunan nilai sosial masyarakatnya.

Berdasarkan penyelidikan oleh Ismail Yusoff (2008), hasil kesusasteraan rakyat dapat dikategorikan kepada dua (02) kategori. Kategori pertama adalah bahan sastera yang berbentuk cerita (narrative). Contoh-contoh hasil sastera yang tergolong di dalam kategori ini adalah seperti Cerita Asal Usul, Cerita Penglipur Lara, Cerita Jenaka, Cerita Binatang, Cerita Rakyat, Cerita Pengajaran, Cerita Hantu dan Cerita Lagenda. Kategori sastera rakyat yang kedua pula adalah bahan sastera yang tidak berbentuk cerita (non-narrative). Contoh-contoh hasil sastera kategori ini adalah seperti Peribahasa, Perbilangan Adat, Pantun, Teka-teki, Jampi Serapah dan juga Bahasa Berirama. Daripada dua kategori hasil kesusasteraan rakyat yang luas ini, hanya tiga buah sastera rakyat jenis Cerita Jenaka Melayu iaitu Si Luncai, Pak Pandir dan Lebai Malang sahaja yang akan difokuskan dan dijadikan sebagai batasan penyelidikan.

Walaupun dihasilkan sebagai seloka dan hiburan yang disampaikan melalui kaedah lisan pada asalnya, kesusasteraan rakyat atau tradisi ini juga sarat dengan elemen pengajaran dan sindiran yang boleh dimanfaatkan di dalam kehidupan seharian. Ada ketikanya plot-plot penceritaan dirasakan sebagai suatu sindiran yang sinis terhadap apa yang berlaku dalam kehidupan seharian walaupun dalam konteks kehidupan moden masa kini. Sebagai contoh, kisah Mat Jenin yang dimuatkan didalam teks cerita jenaka merupakan sindiran terhadap sifat suka memasang angan-angan yang sudah pasti ada pada setiap individu. Sambil itu, kisah Pak Kadok pula mencerminkan bagaimana seseorang yang mudah dimanipulasi atas kepentingan-kepentingan pihak tertentu.

### **3. CIRI-CIRI UMUM KESUSATERAAN RAKYAT (Ismail Yusoff, 2008)**

Ismail Yusoff telah menggariskan ciri-ciri umum hasil sastera rakyat sebagai berikut:

#### **3.1 Bentuk Lisan**

Umum jelas mengetahui bahawa kesusasteraan rakyat ini ditutur dan diperturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya secara verbal dan diperdengarkan dari mulut ke mulut samada oleh golongan atau penutur professional atau tidak.

#### **3.2 Mempunyai Tukang Cerita atau Pencerita**

Harun Mat Piah et al. (2002) menjelaskan bahawa sastera rakyat hanya ditutur dan disebarluaskan oleh golongan tertentu sahaja. Menurut beliau, golongan penutur ini bolehlah dibahagikan kepada dua (02) kategori iaitu penutur professional dan penutur rakyat biasa. Golongan penutur profesional ini mempunyai pelbagai gelaran disetiap negeri. Sebagai contohnya, gelaran Awang Selampit di Kelantan, Penglipur Lara di Perak dan Awang Belanga di Kedah. Manakala di negeri Perlis pula golongan penglipur lara ini dikenali dengan nama Awang Batil.

Penutur profesional ini merupakan seorang yang sangat mahir menyampaikan cerita. Ada kalanya, mereka menggayaikan gerak-geri serta alunan penceritaan yang pelbagai bagi menggambarkan watak-watak dan menghidupkan sesuatu peristiwa di dalam penyampaiannya. Golongan ini kerap dijemput untuk membuat persembahan di merata-rata tempat dan diiringi oleh alunan muzik tradisi. Golongan penutur kedua pula adalah merupakan rakyat biasa yang menyebarkan hasilan sastera rakyat ini secara verbal kepada generasi muda dengan tujuan memberi pengajaran kepada anak-anak atau cucu mereka.

#### **3.3 Berlaku Improvasi**

Ramai penyelidik sastera menegaskan bahawa kesusasteraan rakyat telah tersebar dengan cara yang sangat tidak tetap. Perkara ini turut diakui oleh Ismail Yusoff (2008) dalam kajian beliau. Tegas beliau, oleh kerana tukang cerita yang sering dijemput membuat persembahan dari satu tempat ke tempat yang lain, maka kesusasteraan rakyat jenis ini (cerita Jenaka Melayu) telah mengalami perubahan dan berlakunya improvisasi. Tokok-tambah yang terjadi adalah kerana pencerita atau tukang cerita itu mahu menyesuaikan penyampaian mereka dengan selera atau minat audien mereka. Tambahan pula, cerita-cerita rakyat ini tidak pernah didokumenkan dan disampaikan pula secara lisan.

#### **3.4 Tidak Terikat Pada Sesuatu Ruang Waktu**

Adalah amat sukar untuk dikenalpasti lokasi dan waktu kejadian yang digambarkan di dalam plot penceritaan sesebuah karya sastera rakyat itu. Ahli sastera juga merasakan sastera rakyat adalah sesuatu yang sangat menarik perhatian lantaran sifatnya yang jujur, sederhana dan terbuka. Malah, ada cerita-cerita tertentu yang dianggap benar-benar berlaku. Kenyataan ini dibuktikan oleh penyelidikan yang dilakukan oleh Danandjaja (1986) yang mengupas berkenaan cerita rakyat jenis cerita-cerita lagenda di Indonesia dan alam nusantara. Menurut beliau, cerita-cerita lagenda ini dipercayai pernah benar-benar terjadi samada oleh penutur atau kelompok masyarakatnya tetapi tidak pula dianggap suci.

Harun Mat Piah et al. (2002) memberikan contoh lagenda atau cerita Si Tanggang yang tersebar dan begitu terkenal dalam masyarakat Melayu. Menurut beliau, tanda-tanda alam dikaitkan dengan kisah ini untuk membuktikan kesahihan cerita atau kejadian. Tegas beliau juga, unsur-unsur dan elemen didaktik atau bersifat pengajaran sebegini yang akhirnya menyebabkan sesebuah cerita terus diingati. Harun Mat Piah et al. (2002) turut memetik penyelidikan yang dijalankan oleh Mohd. Khalid (1983)

yang menjadikan kisah ‘Puteri Sa’dong’ sebagai subjek kajiannya. Menurut beliau, walaupun dalam era kemodenan kini, masih terdapat kelompok masyarakat yang percaya bahawa puteri tersebut dapat dihubungi dan berkomunikasi dengan cara menjalankan ritual-ritual tertentu bagi mendapatkan pertolongan terutama dalam aktiviti pengubatan secara tradisional.

### **3.5 Tanpa Nama Pengarang dan Tarikh**

Ismail Yusoff (2008) menyatakan bahawa bahan sastera rakyat hanya mementingkan isi dan makna tersirat yang ingin disampaikan melalui sesebuah cerita itu sahaja. Lantaran, semua hasilan sastera rakyat tidak dapat dikenalpasti atau tidak dinyatakan siapakah pencipta asal dan juga tarikh penghasilan karya tersebut. Namun begitu, Harun Mat Piah et al. (2002) membincangkan perkara ini dengan lebih dalam dan jelas. Menurut beliau, hasilan sastera rakyat berkembang sehingga dapat dinikmati oleh generasi hari ini dengan adanya sumbangan yang besar oleh tokoh-tokoh penting yang telah menghasilkan pelbagai jenis karya bertulis termasuklah yang berbentuk lisan. individu yang dimaksudkan oleh Harun Mat Piah et al. (2002) ini adalah golongan tukang-tukang cerita, Tok Dalang, bomoh, penyalin, penyusun, pengarang, tokoh- tokoh istana yang menjadi pelindung, malah para pengumpul naskah-naskah manuskrip di berbagai koleksi di seluruh dunia. Beliau turut menegaskan bahawa, tokoh-tokoh ini sebahagian besarnya adalah tidak bernama dan tidak diketahui sama sekali akan kewujudannya.

### **3.6 Milik Bersama**

Hasilan sastera rakyat juga adalah bersifat kolektif. Justeru itu, ia tidak boleh dikatakan sebagai milik satu-satu kelompok masyarakat, lebih lagi milikan peribadi. Hal ini menjadi bukti dan merupakan cerminan kepada sifat masyarakat pada masa dahulu yang tidak individualistik. Pemikiran Ismail Yusoff (2008) ini kelihatan selari dengan penulisan oleh Mohd Taib Osman (2007). Mohd. Taib Osman (2007) dalam hasil kajiannya menyifatkan hasilan sastera rakyat ini sebagai wondering legend atau lagenda yang merantau. Menurut beliau lagi, seringkali sesebuah cerita yang dianggap lagenda tempatan adalah sebuah cerita yang telah tersebar luas dan melangkaui batasan kampung dan negeri. Malah ada yang merentas sempadan negara. Sebagai contoh seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, kisah manusia bertukar menjadi batu setelah disumpah (Sang Gedembai @ Kelembai), kisah anak derhaka yang disumpah ibunya (Si Tanggang @ Nakhoda Tenggang) dan kisah puteri keramat yang berupaya untuk mengubati orang sakit dan meminjamkan pinggan mangkuk kepada mereka yang baik hati (Puteri Saadong) yang dikutip dari beberapa daerah di wilayah nusantara. Keadaan atau sifat sebegini turut diulas oleh Harun Mat Piah et al. (2002) sebagai migratory atau berpindah-pindah. Tegas beliau, beberapa daerah memiliki cerita tersendiri yang hampir sama contohnya “Jong Batu” di Brunei dan “Malin Kundang” yang popular di Minangkabau.

### **3.7 Bersifat Sejagat**

Kajian oleh pengkaji-pengkaji sastera mendapati bahawa kesusteraan rakyat Melayu mempunyai persamaan antara sastera rakyat bangsa-bangsa lain. Persamaan ini bukan hanya berlaku dari konteks bentuk, malah juga dari segi isi dan maksud. Ismail Yusof (2008) memberikan contoh cerita Penglipur Lara seakan-akan sama dengan cerita Kaba dari Minangkabau. Kajian yang dijalankan oleh Mohd.Taib Osman (2007) menunjukkan terdapat persamaan latar cerita di antara cerita Abu Nawas dengan hasil sastera Timur Tengah.

Cerita Jenaka Melayu seperti Pak Kadok, Lebai Malang, Pak Pandir dan Nujum Pak Belalang pula mempunyai persamaan motif dengan bentuk dan jenis hasil sastera bangsa lain seperti karya sastera Pancatanteram (Tamil), Jataka (tamadun Buddha dan India) dan juga Aesop’s fables (tamadun Yunani dan Eropah). Pengkaji dan sarjana sastera berpendapat senario ini disebabkan oleh wujudnya persamaan nilai dalam sesebuah masyarakat tersebut. Pertembungan yang berlaku di antara kepelbagai budaya ini telah menyebabkan hasilan sastera rakyat mengalami proses peminjaman, asimilasi, penyesuaian

atau pengaruh-mempengaruhi.

### **3.8 Fungsi Hiburan dan Didaktik (Pengajaran)**

Fungsi utama penghasilan sastera rakyat adalah sebagai satu bentuk hiburan bagi masyarakat kelas bawahan. Menurut Harun Mat Piah et al. (2002), cerita-cerita jenaka Melayu merupakan cerita yang bersifat sederhana yang disampaikan secara santai. Ia seringkali dipertuturkan dalam acara atau majlis –majlis keraian. Sebagai contoh, sastera rakyat memainkan peranan yang penting sewaktu kerja-kerja kenduri pada masa dahulu. Tradisinya pada waktu itu, urusan majlis kenduri adalah suatu pakatan pekerjaan yang rumit. Oleh itu, biasanya pertolongan kaum keluarga serta jiran-jiran sekampung adalah sangat diperlukan. Biasanya, kerja-kerja kenduri ini memakan masa suntuk sehari-hari, maka pada ketika inilah aktiviti penuturan sastera rakyat oleh dilakukan oleh golongan penutur profesional. Mereka biasanya diundang khusus oleh tuan rumah untuk menyampaikan hiburan dan secara tidak langsung akan meringankan beban kerja sehari-hari itu. Mohd Taib Osman (1988) juga menyatakan dalam kajiannya bahawa, tradisi penglipur lara sangat sesuai dan begitu rapat dengan cara hidup tradisional orang Melayu. Aktiviti ini (lipur lara) turut berfungsi untuk memenuhi selang masa rehat sewaktu menjalani kerja-kerja sehari-hari atau kegiatan ekonomi dan sosial dalam budaya masyarakat Melayu pada ketika itu. Menurut beliau juga, kegiatan-kegiatan dan fungsi penglipur lara tidak dapat diteruskan seperti biasa apabila kegiatan ekonomi dan juga cara hidup sosial berubah mengikut peredaran masa.

Disamping berfungsi sebagai medium hiburan masyarakat, hasilan sastera rakyat turut memainkan peranan memberi pengajaran kepada audien. Shahnon Ahmad (1991) menegaskan dalam kajiannya bahawa pendidikan kesusasteraan penting dalam peranannya membina pemikiran dan sahsiah manusia kerana banyak mengandungi unsur-unsur mendidik (didaktik) nilai kemanusiaan yang tinggi. Contohnya kisah Nakhoda Tenggang @ Si Tanggang yang memaparkan hebatnya kasih sayang dan pertalian diantara seorang ibu dan anak lelakinya. Kisah Lebai Malang pula mengajar kita supaya tidak bersifat tamak yang akhirnya jelas memakan diri sendiri.

Selain mendidik, sastera rakyat juga berfungsi sebagai satu medium menzhirkan kritikan terhadap pemerintah. Harun Mat Piah et al. (2002) menyatakan dalam kajiannya bahawa terdapat juga cerita-cerita jenaka yang menyelitkan unsur-unsur atau elemen politik. Cerita-cerita sebegini wujud dan berkembang selari dengan perkembangan dan pergolakan politik semasa. Begitu indahnya budaya dan juga budi pekerti orang melayu, segalanya disusun begitu halus. Kemudiannya diungkapkan dan disampaikan dengan cara simbolik namun tajam dan sinis di dalam hasilan sastera rakyat.

### **3.9. Tidak Logik dan Tidak Ilmiah**

Kesusasteraan rakyat biasanya berbentuk klise yang lazimnya tidak bersifat ilmiah. Daripada penceritaan atau pembacaan kesusasteraan ini, sering kita dapat bahawa isi ceritanya bersifat aneh, mistik dan ada kalanya tidak dapat diterima akal. Menurut Danandjaja (1986), keadaan sebegini adakalanya disebabkan oleh keperluan dan desakan bagi memenuhi perasaan ingin tahu manusia dan untuk memberikan penjelasan berkenaan hal-hal yang berada di luar jangkauan akal dan ilmu pengetahuan masyarakat pada masa dan ketika itu.

Harun Mat Piah et al. (2002) turut menyatakan bahawa terdapat juga cerita-cerita jenaka mengenai seks atau berbau seks. Cerita-cerita ini, biasanya hanya tersebar dalam kelompok-kelompok tertentu sahaja seperti di kalangan kaum lelaki atau kaum perempuan dewasa. Justeru, ia menjadi sesuatu yang bersifat ekslusif yang menjadi larangan bagi pendengaran kanak-kanak.

Ismail Yusoff (2008) menyatakan bahawa sastera rakyat yang bersifat fantasi turut merangkumi unsur-unsur mitos, lagenda, humor dan juga tragedi. Unsur-unsur ini juga dikatakan sering bercampur-baur dan menjadi gambaran terhadap sistem kepercayaan dan jenis-jenis agama yang dianuti oleh kelompok masyarakat tradisi pada ketika itu. Penyelidikan ini juga mendapatkan bahawa kajian oleh Ismail Yusoff (2008) ini seringkali selari dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Taib Osman (2007). Beliau

menegaskan bahawa, karektor-karektor utama dalam sastera rakyat adalah cerita-cerita alam luar biasa atau supernatural. Biasanya ia berkaitan dengan kepercayaan orang-orang Melayu seperti hantu jembalang, orang bunian, dewa dan sebagainya. Justeru, keadaan ini diistilahkan sebagai memorate dalam kajian oleh Mohd Taib Osman (2007) dan Harun Mat Piah et al. (2002).

### **3.10 Tradisi Masyarakat Sendiri**

Hasilan sastera rakyat yang diperturunkan secara lisan dari generasi ke generasi seterusnya sehingga kini merupakan tinggalan warisan dan kebudayaan yang mencerminkan nilai dan daya intelektual masyarakat atau ketamadunan Melayu itu sendiri. Sepanjang aktiviti penuturan dan penyebarannya, ia telah mengalami banyak perubahan yang signifikan disebabkan oleh perkembangan dari sudut ekonomi dan sosio-budaya yang dialami oleh kelompok masyarakat Melayu itu sendiri. Namun begitu, bentuk asal hasilan sastera rakyat itu masih lagi kekal pada hari ini seperti pantun, peribahasa dan lain-lain.

## **4. KESIMPULAN**

Kesimpulanya ialah dalam penulisan ini, sastera rakyat iaitu cerita jenaka melayu adalah satu bentuk hasilan kesusasteraan yang mempunyai tujuan dan fungsi tertentu di dalam sesebuah kelompok masyarakat bawahan. Mohd, Taib Osman (2007) menyatakan golongan ini sebagai peasantry atau masyarakat tani. Dinyatakan secara ringkas disini bahawa sastera rakyat berfungsi bukan hanya sebagai sumber hiburan masyarakat tani pada masa dahulu, malah ia turut bersifat didaktik dan sebagai medium mengutarakan kritikan dan teguran terutamanya kepada golongan pemerintah dan institusi beraja.

## **PENGHARGAAN**

Pengarang merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan penulisan ini.

## **PEMBIAYAAN**

Kajian ini tidak menerima pembiayaan daripada mana-mana pihak.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Kedua-dua pengarang bersama-sama menyumbang untuk pengumpulan data, kajian literatur, serta penulisan manuskrip kajian.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Pengarang mengisyiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, kepengarangan dan/atau penerbitan artikel ini.

## **BIBLIOGRAFI**

- Danandjaja, J. (1986). *Folklor Indonesia*. Jakarta: Grafiti Pers.  
Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh, Jamilah Ahmad, et al. (2002). *Kesusasteraan Melayu Tradisional Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.  
Ismail Yusoff, (2008), *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*,Sintok, Universiti Utara Malaysia.  
*Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Khalid Taib, (1983). Lagenda-Lagenda Nama Tempat dan Orang Terkenal di Semenanjung Malaysia. Kertas kerja *Bengkel Tradisi Lisan Bercorak Cerita*, Kuala Lumpur.
- Mohd. Taib Osman, (1972). The Aims, Approach and Problems In The Study Folk Literature or Oral Traditions. Dlm The Brunei Museum, Jurnal 2:4 hlm 159-164.
- Mohd. Taib Osman, (1988). Dlm Hamzah Hamdani (ed.). *Pemikiran Sastera Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman, Hassan Ahmad (ed), (2007). *Cerita Jenaka Melayu*, Kuala Lumpur, Yayasan Karyawan.
- Safian Hussain, (1988). *Glossari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad, (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharudin, (2009). Tampannya Budi. Dlm Pameran Tampannya Budi. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.